



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PELAKSANAAN INTERAKSI LISAN DALAM PENGAJARAN
PENSYARAH BAHASA MELAYU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU***

ZARIEN NURLIEYANA BIN AMINUDDIN

FPP 2021 6



**PELAKSANAAN INTERAKSI LISAN DALAM PENGAJARAN PENSYARAH
BAHASA MELAYU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

Oleh

ZARIEN NURLIEYANA BINTI AMINUDDIN

**Tesis ini telah dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Master Sains**

Julai 2020

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PELAKSANAAN INTERAKSI LISAN DALAM PENGAJARAN PENSYARAH
BAHASA MELAYU DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

Oleh

ZARIEN NURLIEYANA BINTI AMINUDDIN

Julai 2020

Pengerusi : Azhar Md Sabil, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan meninjau pelaksanaan interaksi lisan dalam kalangan pensyarah bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru (IPG). Kajian ini memenuhi objektif kajian iaitu, mengenal pasti pelaksanaan interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah kursus Bahasa Melayu, menghuraikan pendekatan pengajaran interaksi lisan di IPG, menganalisis teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus bahasa Melayu, dan merumuskan teknik interaksi lisan dan pendekatan pengajaran pensyarah. Kajian ini mengaplikasikan kerangka teori Teknik Interaksi Lisan Roselan Baki (2003) yang mengemukakan sembilan teknik interaksi, iaitu penerangan, penyoalan, kawalan, penggiliran, pengulangan, arahan, pencungkilan idea, perbincangan dan penilaian. Seterusnya, kajian ini juga mengaplikasikan pendekatan komunikatif Mahzan (2008) yang menerapkan aktiviti komunikatif dalam pengajaran pensyarah. Kajian ini menggunakan reka bentuk pendekatan kualitatif, iaitu satu kes pelbagai tempat dengan melibatkan empat orang pensyarah kursus Bahasa Melayu IPG sebagai peserta kajian. Teknik persampelan bertujuan digunakan berserta beberapa kriteria tertentu dalam pemilihan sampel kajian ini. Teknik pengumpulan data kajian ini merangkumi temu bual semi berstruktur secara mendalam. Protokol temu bual kajian ini menggunakan dua konstruk iaitu, pelaksanaan teknik interaksi lisan dan pendekatan pengajaran. Pengkaji menggunakan perisian NVIVO untuk menganalisis data mengikut tema dapatan kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan interaksi lisan sememangnya menjadi amalan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah bahasa Melayu di IPG. Dapatan kajian ini juga memberi gambaran bahawa pensyarah dapat menguasai teknik interaksi lisan secara dua hala antara pensyarah dan pelajar.

Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa wujudnya pelbagai teknik interaksi lisan yang digunakan oleh pensyarah mencakupi bentuk bahasa lisan, kemampuan berbahasa, dan pertimbangan komunikatif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Secara keseluruhannya, pelaksanaan interaksi lisan dapat memantapkan kemahiran pengajaran pensyarah, meningkatkan kefahaman pelajar dan mewujudkan suasana pembelajaran secara aktif.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

IMPLEMENTATION OF VERBAL INTERACTION IN TEACHING MALAY LANGUAGE LECTURE IN TEACHER EDUCATION INSTITUTE

By

ZARIEN NURLIEYANA BINTI AMINUDDIN

July 2020

Chairman : Azhar Md Sabil, PhD
Faculty : Educational and Studies

This study aimed to identify and review the implementation of verbal interaction among the Malay language lecturer at the Institute of Teacher Education (ITE). This study find the objectives of the study, identified the implementation verbal interaction lecture in teaching Malay Language course, describes the approach to teaching oral interactions and analyze verbal interaction techniques in teaching Malay language course, oral interaction techniques and approaches teaching faculty. This study applies the theoretical framework of Roselan Baki Oral Interaction Techniques (2003) which nine interaction techniques, description, questioning, control, rotation, repetition, instruction, idea extraction, discussion and evaluation. Furthermore, this study also applies the communicative approach of Mahzan Arshad (2008) which applies communicative activities in the teaching of lecturers. This study used a qualitative approach to design, which is a place with many cases involving four lecturers Malay Language courses as study participants. Sampling technique is intended to be used along with some specific criteria in the selection of the study sample. The data collection techniques of this study include semi-structured interviews. The interview protocol of this study uses two constructs the implementation of oral interaction techniques and teaching approaches. The researcher uses NVIVO software to analyze the data according to the theme of the study findings. Results showed that the implementation of verbal interaction has always been the practice in the teaching and learning of Malay Language lecturer at the institute. The findings of this study also give the impression that lecturers can master the technique of two-way oral interaction between lecturers and students. In addition, this study shows that there are various oral interaction techniques used by lecturers covering the form of oral language, language ability, and communicative judgment in teaching and learning sessions.

Overall, the implementation of oral interaction can strengthen the teaching skills of lecturers, improve students understanding and create an active learning environment.



PENGHARGAAN

Kesyukuran yang tidak terhingga saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana telah mengurniakan saya sebuah kehidupan dan keazaman yang tinggi untuk menyiapkan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengerusi Jawatan Kuasa Penyeliaan, Dr. Azhar Md. Sabil serta ahli jawatan kuasa, Prof Dr. Abdul Rasid Jamian dari Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Beliau telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar bagi menyempurnakan tesis ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih juga kepada ayahanda yang dikasihi Aminuddin bin Nawi dan bonda Norizan Daud serta bonda Siti Fatimah Manjeng yang sentiasa memberikan dorongan yang tidak terhingga sepanjang pengajian ini. Juga tidak terkecuali seluruh ahli keluarga yang sentiasa bersama mengharungi suka duka sepanjang perjalanan ini. Istimewa buat suami dan anakanda, setiap sokongan dan dorongan kalian membuatkan diri ini semakin kuat untuk terus berjuang demi mencari ilmu yang tiada penghujungnya.

Rasa terhutang budi dan ingin kuabadikan kepada rakan seperjuangan atas sokongan dan keceriaan kalian melupakan kepayahan yang dilalui selama perjalanan ilmu ini. Tidak dilupakan juga, jutaan terima kasih kepada semua pensyarah di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, FPP yang begitu dedikasi dalam menyampaikan ilmu. Akhir kata, terima kasih kepada semua yang pernah membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga ilmu yang secebis ini dapat dimanfaatkan untuk kebaikan bersama.

Tesis ini telah dikemukakan pada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Azhar Md Sabil, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Rasid Jamian, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Februari 2021

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Sejarah Ringkas Institut Pendidikan Guru (IPG)	3
	1.2.1 Pengajaran Kursus Bahasa Melayu di IPG	4
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Batasan Kajian	9
	1.8 Definisi Operasional	
	1.8.1 Interaksi Lisan	10
	1.8.2 Pengajaran	10
	1.8.3 Pelaksanaan Interaksi Lisan	11
	1.8.4 Pensyarah Bahasa Melayu	11
	1.8.5 Institut Pendidikan Guru (IPG)	11
	1.8.6 Rumusan	12
2	SOROTAN LITERATUR	
	2.1 Pendahuluan	13
	2.2 Kajian Interaksi Lisan	13
	2.3 Kajian Interaksi Lisan dalam Pengajaran	16
	2.4 Kajian Teknik Interaksi Lisan dalam Pengajaran	18
	2.5 Kajian Pendekatan Pengajaran Pensyarah	22
	2.5.1 Pendekatan Komunikatif	24
3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	26
	3.2 Reka Bentuk Kajian	26
	3.3 Kerangka Teori	27
	3.3.1 Teknik Interaksi Lisan (Roselan Baki, 2003)	27

3.3.2	Pendekatan Pengajaran (Mahzan Arshad, 2008)	31
3.3.3	Kerangka Konsepsi	33
3.4	Keadah Kajian	35
3.4.1	Kajian Lapangan	35
3.4.2	Kajian Kes	35
3.5	Data Kajian	36
3.6	Langkah Pengumpulan Data Kajian	36
3.7	Langkah Penganalisan Data Kajian	38
3.8	Peserta Kajian	42
3.9	Lokasi Kajian	43
3.10	Rumusan	43
4	ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	44
4.2	Pelaksanaan Interaksi Lisan Pensyarah Bahasa Melayu dalam Pengajaran	44
4.2.1	Teknik Interaksi Lisan dalam Pengajaran Kursus Bahasa Melayu di IPG	46
4.3	Pendekatan Pengajaran	59
4.3.1	Pendekatan Pengajaran Pensyarah Kursus Bahasa Melayu di IPG	59
4.4	Rumusan Teknik Interaksi Lisan dan Pendekatan Pengajaran Pensyarah	67
4.5	Rumusan	69
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	70
5.2	Rumusan Kajian	70
5.3	Implikasi Kajian	71
5.4	Cadangan	72
5.5	Cadangan Lanjutan	73
	RUJUKAN	74
	LAMPIRAN	81
	BIODATA PELAJAR	113
	SENARAI PENERBITAN	114

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Pelaksanaan PdP di Institut Pendidikan Guru	17
2	Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan, Rohizani & Zohir (2007)	24
3	Latar Belakang Peserta Kajian	42
4	Elemen Pengajaran Pensyarah di IPG	59
5	Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Kursus Bahasa Melayu di IPG	59
6	Rumusan Teknik Interaksi Lisan Pengajaran Pensyarah	67

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (2013), Kementerian Pendidikan Malaysia	2
2	Saluran Komunikasi (diadaptasi daripada Ahmad Hamid Mahmmud, 2007)	15
3	Prinsip Am Pengajaran	23
4	Kerangka Teori Teknik Interaksi Lisan Roselan Baki (2003)	32
5	Kerangka Pendekatan Pengajaran Mahzan Arshad (2008)	33
6	Kerangka Konsepsi	34
7	Pengumpulan Data Kajian	41

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PAK21	Pembelajaran Abad ke-21
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
ICT	Information, Communication & Technology
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
RMK	Rancangan Mengajar Kursus
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
CK	Content Knowledge
PK	Pedagogy Knowledge
PTPK	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PK	Peserta Kajian
TB	Temu Bual
ABM	Alat Bantu Mengajar
BBM	Bahan Bantu Mengajar

BAB 1

PENDAHULUAN


1.1 Pengenalan

Interaksi lisan merupakan saluran penghantaran maklumat secara lisan dan memberi makna melalui idea individu atau kumpulan kepada penerima maklumat. Penguasaan terhadap interaksi lisan dapat menghasilkan pengajaran dan ilmu yang disampaikan dapat disalurkan dengan berkesan (Noor Shamsinar & Nor Azhan, 2019). Interaksi lisan turut terlibat dengan interaksi sosial masyarakat seperti aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP). Prinsip pengajaran di institusi pendidikan yang terdiri daripada pendekatan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran. Pensyarah berperanan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mencungkil pengetahuan, kemahiran dan kebolehan berfikir pelajar semasa sesi pembelajaran (Santrock 2008). Begitu juga, dalam aspek interaksi sosial turut menggalakkan interaksi lisan dalam kalangan pelajar. Pensyarah dan pelajar menjalinkan hubungan yang baik dan melahirkan emosi yang positif, memupuk budaya perpaduan, merangsang penerimaan dan toleransi, membentuk persekitaran yang kondusif, dan mewujudkan suasana yang lebih afektif dalam kelas (Abu Bakar & Noor Insyirah, 2015).

Penyampaian ilmu dalam bidang pendidikan memerlukan suatu bentuk interaksi yang yang menjamin proses permindahan ilmu dapat berlaku dengan secara menyeluruh untuk kemenjadian pelajar (Nor Aishah Abdul Aziz, Mohd Zolkifli Abd Hamid, Ismail Saliyan & Nurul Izzati Mohd Fuad, 2014). Pengajaran di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) merupakan medan pembentukan modal insan yang memerlukan pensyarah yang memiliki pengalaman, pengetahuan yang tinggi serta berkemahiran berdasarkan bidang masing-masing. Pengajian di peringkat tertinggi berperanan melahirkan golongan ilmuan dan membentuk pengembangan ilmu kepada masyarakat.

Interaksi lisan amat penting bagi memahirkan kemahiran berbahasa pelajar agar dapat melahirkan kemenjadian pelajar melalui komunikasi dengan berkesan dan mampu berinteraksi dalam pelbagai budaya serta berdaya saing. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM 2015-2025) telah merangka lima aspirasi yang dinyatakan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Kementerian juga berhasrat untuk melahirkan graduan yang berkualiti melalui institusi pendidikan dari segi sistem yang menyeluruh.

Di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kini telah berusaha meningkatkan keseimbangan dalam kebolehpasaran graduan daripada 75% kepada 80% pada 2025. Selain itu, PPPM 2015-2025 seperti ditunjukkan dalam Rajah 1 menjelaskan bahawa hasrat kementerian untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kebolehan dalam kemahiran bahasa serta menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan tercapai.



Rajah 1: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (2013), Kementerian Pendidikan Malaysia

Pensyarah merupakan seorang pegawai akademik profesional mendidik dan memimpin pembangunan sesebuah masyarakat. Pensyarah banyak melahirkan graduan yang berjaya berbakti dalam pembangunan ilmu, kesamarataan pelajar dan membentuk kemajuan dalam pencapaian pelajar. Pensyarah bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyebarkan ilmu, malah sumbangannya melahirkan generasi yang mempunyai tahap intelektual yang tinggi dan memiliki akhlak yang terpuji. Tanggungjawab seorang pensyarah mempunyai bebanan tugasnya namun tugas pensyarah juga perlu selari dengan pengajaran pada masa kini. Peranan pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam melahirkan bakal guru yang berketrampilan dalam aspek komunikasi dan penyampaian Ilmu. Dalam era yang mencabar kini, pensyarah perlu menggunakan kreativiti yang pelbagai dalam corak pengajaran pada masa kini seperti cabaran revolusi industri IR 4.0 dan Pendidikan Abad ke -21 (PAK21).

Pensyarah bertanggungjawab mendidik dan membimbing pelajar untuk menguasai ilmu yang dipelajari. Pensyarah merupakan insan yang tergolong dalam pemudah cara dan menjadi fasilitator untuk memahirkan, membimbing dan menyelesaikan masalah pelajar secara kritikal (Ahmad Johari & Zaitun 2008). Hal ini demikian kerana pengajaran dalam kaedah kuliah memupuk budaya pembelajaran dan kecerdasan (Santrock.2008). Interaksi lisan yang sesuai dalam konteks pengajaran memberi impak yang positif sesama masyarakat majmuk (Abu Bakar & Noor Insyirah, 2015). Oleh itu, semua pihak khususnya pendidik dan pentadbir harus melaksanakan pelbagai usaha dalam mengukuhkan interaksi pelajar agar keharmonian dapat dikekalkan.

Selain itu, seorang pensyarah melaksanakan tugas dan bertanggungjawab untuk menyampaikan pengajaran bergantung kepada pelbagai faktor yang lazim mengenai pembelajaran (Ahmad Johari Sihes & Siti Asfarina Sarimin 2009). Pelbagai pendekatan yang digunakan agar bersesuaian dengan kandungan kursus pengajaran termasuklah kaedah, teknik dan strategi semasa penyampaian ilmu kepada pelajar. Oleh itu, kemahiran penyampaian interaksi lisan pensyarah penting bagi mengaplikasikan pengajaran secara berketrampilan berbahasa yang mantap dan lebih berkesan.

Pengajaran di Institut Pendidikan Guru (IPG) terutamanya dalam PdP kursus bahasa Melayu lazimnya banyak menggunakan pelbagai ciri pengajaran seperti pendekatan, kaedah, teknik dan strategi. Keempat-empat konsep ini berkait rapat antara satu sama lain walaupun mempunyai ciri yang saling berkait. Amalan pengajaran yang sering digunakan oleh seorang pengajar terutamanya pensyarah adalah yang berasaskan sumber atau bahan. Pendekatan pengajaran pensyarah digunakan bersama dengan bahan bantu mengajar agar dapat meningkatkan kreativiti pengajaran. Bahan bantu mengajar yang baik memudahkan dan membantu penyampaian ilmu secara berkesan. Peningkatan mutu penyampaian lisan pengajaran pensyarah juga memudahkan pemahaman pelajar tentang topik pengajaran (Shahabuddin, 2007).

1.2 Sejarah Ringkas Institut Pendidikan Guru (IPG)

IPG di Malaysia bermula sebagai Pusat Latihan Perguruan. Latihan Perguruan di Tanah Melayu bermula sekitar tahun 1878 dengan tertubuhnya Pusat Latihan Guru Melayu, Singapura di Istana lama kepunyaan Sultan Johor di Teluk Belanga. Pusat Latihan Guru Melayu (PLGM) di Singapura pada tahun 1895 ditutup setelah 17 tahun melatih para guru. PLGM ditubuhkan di Taiping Perak dan dikenali sebagai Sekolah Latihan Perguruan pada Mei 1898. Kewujudan Maktab Perguruan Melayu ditubuhkan di Matang Perak pada 11 Oktober 1913. Seterusnya, pusat latihan dipindahkan ke Sultan Idris Training College (SITC) pada November 1922. Sebanyak 27 buah Maktab Perguruan telah dinaik taraf menjadi Institut Pendidikan Guru (IPG) pada Mei 2005. Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) berperanan melatih bakal-bakal guru sekolah rendah.

Institut Pendidikan Guru (IPG) menawarkan program utama yang ditawarkan adalah Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (PISMP), Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI), Diploma Perguruan Malaysia (DPM), Diploma Perguruan Lepas Diploma (DPLD) dan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).

Pendidikan di Maktab Perguruan Melayu bermula pada abad ke-19. Terdapat usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara berdasarkan Jawatankuasa Pelajaran (1956), ditubuhkan untuk mencari pendekatan yang sesuai berhubung kait dengan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya dalam pengajaran.

Kedua, sebuah Institusi Bahasa hendaklah ditubuhkan untuk melatih guru-guru Bahasa Melayu dan membuat penyelidikan ke atas pengajaran Bahasa Melayu memperlihatkan kemajuan.

(Jawatankuasa Pelajaran 1956)

Selain itu, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Tanah Melayu Ketiga yang diadakan di Universiti Malaya pada 16 hingga 21 September 1956 telah meluluskan beberapa rumusan tentang penggunaan Bahasa Melayu dalam pendidikan.

.... supaya bahasa Melayu mulai diansurkan menjadi bahasa pengantar dalam universiti di Tanah Melayu ini terutamanya dalam pelajaran dan pengajian.

Peranan ini secara jelas menetapkan kefasihan berbahasa dan kecekapan berkomunikasi sebagai matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu (Mohd Asri & Zulkifley, 2014). Beliau berpandangan bahawa pendidikan bahasa Melayu secara menyeluruh dapat memberi pengetahuan bahasa dan mewujudkan perpaduan yang utuh.

1.2.1 Pengajaran Kursus Bahasa Melayu di IPG

Interaksi lisan menjadi medium perantara guru dengan murid atau pensyarah dengan pelajar yang melibatkan interaksi dua hala. Dalam konteks pengajaran, guru berinteraksi dengan murid dengan cara memberi penjelasan, menyoal, meneguh, menegur, mengarah, menghampiri dan sebagai (Mohd Khairuddin et.al 2014). Penguasaan interaksi lisan berlaku secara semula jadi (Stubbs, 1930, Roselan Baki 2003). Hal ini dapat dikenal pasti apabila pensyarah mampu berinteraksi dengan baik dengan pelajar dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran.

Selain itu, penguasaan interaksi lisan bukan sahaja dapat menyampaikan maklumat pengajaran namun dapat membina dan mengekalkan hubungan, mempengaruhi dan memujuk, menceritakan sesuatu, bertanyakan soalan, memberi maklumat dan menganalisis (Roselan Baki 2003). Beliau turut menyatakan bahawa, interaksi lisan yang efektif bukan sahaja dapat membantu menyelesaikan masalah malahan dapat membantu dalam memperbaiki hubungan dalam berkomunikasi.

Seorang pensyarah perlu bersiap sedia dengan kreativiti pengajaran semasa dalam kuliah. Teknik pengajaran yang baik dapat meningkatkan penyertaan pelajar, menggalakkan minat, menyerlahkan bakat, dan berkongsi pengetahuan yang sedia ada dalam berinteraksi semasa menjalankan aktiviti PdP (Mahzan Arshad 2016). Seseorang pensyarah bukan sahaja perlu membuat persediaan dari segi rancangan pelajaran dan alat bantu mengajar, malah pengajaran perlu mewujudkan komunikasi yang berkesan untuk menarik perhatian pelajar. Jika tidak, pengajaran ketika itu akan menyebabkan pelajar bosan dan kurang fokus semasa proses pengajaran. Penyampaian lisan yang baik dalam proses PdP dapat meningkatkan keupayaan lisan dan penguasaannya seperti intonasi, sebutan, nada, kejelasan dan interaksi antara pensyarah dan pelajar. Seorang guru yang mahir dalam pengajaran perlu menguasai kemahiran bahasa dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bahasa Melayu (Rozita Radhiah & Abdul Rasid Jamian, 2018). Oleh itu, pengajaran pensyarah bahasa di peringkat pengajian tinggi memerlukan kreativiti dan pendekatan pengajaran kemahiran lisan.

1.3 Pernyataan Masalah

Fokus utama dalam kajian ini adalah membincangkan aspek interaksi lisan pensyarah bahasa Melayu di IPG. Pengkaji mendapati masih kurang dibincangkan secara menyeluruh teknik interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah di peringkat IPG. Tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat banyak kajian tentang interaksi lisan dalam aspek komunikasi interpersonal dan komunikasi lisan serta bukan lisan yang dikaji oleh Mohd Nasri Abdullah (2017), Nurul Jamilah Rani, Nur'Aina & Nursyamimi Harun (2017) dan Mustapha Kamal & Ahmad Kassim (2015), Tay Mey Guat (2013), Maifuza, Aziz & Siti Sumaziana (2011), Muhamad Shahabudin, Nor Shafrin, Fadzilah & Rahimi (2009), M. Al-Muz-Zammil & Jusoh (2002), Siti 'Aisyah (1997) terhadap kumpulan sasaran seperti pelajar universiti dari aspek suara, kejelasan dan kesesuaian bahasa, komunikasi bukan lisan, menerang dan menunjuk cara, unsur kecindan.

Terdapat banyak kajian interkasi lisan di peringkat sekolah pula yang dijalankan oleh Ghazali Lateh & Shamsudin Othman (2014), Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman & Sufiza Ishak (2013), Zamri Mahmood & Noor Razah Lim (2011), Ghazali Lateh (2007), Seman Salleh (2005) dan Roselan Baki (2003) menunjukkan bahawa interaksi lisan berlaku dalam aktiviti melibatkan antara guru dengan murid di bilik darjah. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat jurang kajian mengenai interaksi lisan pensyarah terutamanya kursus bahasa Melayu.

Pengkaji mendapati bahawa teknik interaksi lisan perlu dikaji secara mendalam dengan menumpukan kepada sembilan teknik interaksi lisan yang terdiri daripada interaksi penerangan, penyoalan, kawalan, arahan, penggiliran, pencungkilan, pengulangan, perbincangan dan penilaian yang disenaraikan oleh Roselan Baki (2003). Oleh itu, maklum balas daripada kajian ini penting untuk mengetahui sejauhmanakah teknik interaksi lisan dapat dilaksanakan bagi meningkatkan amalan komunikasi dalam pengajaran pensyarah.

Pendekatan pengajaran berupaya memberi peluang dan ruang kepada pelajar supaya dapat mempraktikkan teori yang dipelajari dalam situasi sebenar melalui bimbingan pensyarah di institut. Kajian berkaitan dengan pendekatan pengajaran dijalankan di IPG seperti pendekatan kolaboratif oleh Khairul Anwar (2014), pendekatan koperatif Norabeerah Sofarruddin, Halimah & Azlina Ahmad (2012), dan pendekatan kolaboratif (Suriati Abdul Aziz, 2016). Penyampaian maklumat yang berkesan merupakan kemahiran yang perlu oleh seorang pendidik agar ilmu yang disampaikan betul dan tepat. Ini dibuktikan oleh Abu Bakar, Ikhsan Othman (2008) & Ahmad Firdaus (2016) bahawa penyampai ilmu di peringkat pengajian tinggi mendapati bahawa interaksi terbatas dari aspek intonasi mendatar, kelancaran penyampaian kandungan dan pelaksanaan aktiviti yang tidak menarik. Hal ini demikian kerana, berlakunya interaksi terbatas menyebabkan kurangnya keyakinan diri pensyarah untuk menyampaikan maklumat dengan lancar. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa aspek pendekatan pengajaran perlu dikaji dari aspek pendekatan komunikatif bagi melihat penyampaian lisan yang berkesan.

Kajian interaksi lisan banyak menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengukur tahap penguasaan interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian lepas yang menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengukur tahap interaksi lisan dikaji oleh Ghazali Lateh & Shamsudin Othman (2014), Nor Asliza Abdul Rahim & Normaliza Abd Rahim (2013) dan Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman & Sufiza Ishak (2013) menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran komunikasi lisan terhadap interaksi lisan masih berada pada tahap sederhana.

Kajian yang dijalankan dengan pendekatan kualitatif dijalankan oleh Zamri Mahmood & Noor Razah Lim (2011), Ghazali Lateh (2007), Seman Salleh (2005) dan Roselan Baki (2003). Begitu juga dengan kajian secara kualitatif oleh Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman (2009) tentang kemahiran komunikasi di universiti mendapati bahawa bakal guru masih mengalami kesukaran menyebut dengan lancar dan terbatas dengan intonasi dan suara yang tidak menarik. Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan dapatan kajian ini.

Kelemahan komunikasi dan penguasaan bahasa yang kurang berkesan menunjukkan tahap pencapaian pelajar rendah dan kurang memuaskan (Ab. Halim, 2007). Hal ini menyebabkan berlaku kelemahan kepada bakal guru yang dilatih dalam penguasaan bahasa. Pendidik perlu mengemukakan pendapat, menguasai ilmu kandungan pengajaran, kurikulum, mempunyai kemahiran yang tinggi dalam kaedah pengajaran dan menjadi model yang baik kepada pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Tan Mey Guat (2013) menunjukkan bahawa kelemahan komunikasi bakal guru pelatih IPG membuktikan bahawa aspek komunikasi seperti suara, kejelasan dan kesesuaian bahasa, menerangkan dan menunjuk ajar serta kebolehan memotivasikan pelajar berkait rapat dengan bimbingan latihan pendidikan guru.

Namun masih terdapat kelemahan dan penguasaan bahasa pensyarah dalam sesi pengajaran yang diberikan kurang berkesan menyebabkan pelajar tidak menerima maklumat secara berkesan. Kelemahan penguasaan bahasa pensyarah menyebabkan pencapaian prestasi pelajar terjejas. Pengajaran di peringkat pengajian tinggi banyak melibatkan interaksi di dalam kuliah atau amali. Interaksi sebagai perantara bahan pengajaran yang penting dalam pengajaran apabila seseorang berkongsi ataupun bertukar pendapat, idea, maklumat dan perasaan (Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Chuchu & Halimah Laji, 2014) dan pendidik perlu menjadi sumber penyampaian maklumat isi pengajaran dalam kelas (Noor Shafrin Ahmad 2009 et.al, Barker 1982).

Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran dalam kuliah banyak melibatkan interaksi lisan dan pensyarah merupakan orang yang kerap berinteraksi dengan pelajar (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Kajian mereka mendapati penggunaan bahasa dalam penyampaian kuliah kurang berkesan. Pensyarah harus menggunakan bahasa dan menguasai kemahiran berbahasa mengikut tahap kebolehan pelajar memahami topik pengajaran. Kajian Norisah Mohamed Nor & Jamliah Yunus (2015) menyatakan bahawa aspek interaksi lisan pensyarah mempunyai pengaruh yang besar terhadap pengetahuan yang mencukupi topik hendak disampaikan dan dapat diterima oleh pelajar. Interaksi lisan pensyarah dilihat amat penting dan yang semakin kurang diberi perhatian bagi penambahbaikan dan keperluan dalam mutu pengajaran pensyarah. Penyampaian pengajaran yang tidak berkesan perlu diatasi dengan penggunaan bahasa yang mudah. Penyampaian yang tidak berkesan menunjukkan kelemahan pendidik menguasai interaksi lisan, masih mengalami kesukaran menjelaskan sesuatu sebutan dengan betul dan kelancaran dalam menyampaikan pengajaran. Begitu juga, tanpa penggunaan bahan bantu mengajar juga menyebabkan interaksi lisan terbatas dan berlakunya masalah intonasi, suara yang senada, dan tidak menarik.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini mengkaji interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah yang di IPG. Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif kursus yang berikut:

- i. Mengenal pasti pelaksanaan pensyarah terhadap teknik interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah kursus bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru.
- ii. Menghuraikan pendekatan pengajaran interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah kursus bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru.
- iii. Merumuskan teknik interaksi lisan dan pendekatan pengajaran pensyarah kursus bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Guru.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji mengemukakan persoalan kajian seperti yang berikut:

1. Bagaimanakah pelaksanaan interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru?
 - a) Apakah kefahaman interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah bahasa Melayu di IPG?
 - b) Bagaimanakah teknik interaksi lisan pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran di IPG?
2. Bagaimanakah pendekatan pengajaran yang diamalkan oleh pensyarah bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru?
 - a) Apakah pendekatan pengajaran yang diamalkan?
 - b) Bagaimanakah kaedah pengajaran yang diamalkan?
 - c) Apakah strategi pengajaran yang diamalkan?
 - d) Bagaimanakah aktiviti pengajaran dalam penyampaian lisan?
3. Apakah rumusan terhadap teknik dan pendekatan pengajaran yang diamalkan semasa pengajaran kursus Bahasa Melayu di IPG?
 - a) Bagaimanakah pensyarah melaksanakan sembilan teknik interaksi lisan pengajaran di dalam kuliah?
 - b) Bagaimanakah pendekatan pengajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah di dalam kuliah?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk menjelaskan pelaksanaan pengajaran dengan berfokuskan kepada teknik interaksi lisan yang boleh digunakan oleh pensyarah kursus bahasa Melayu dalam pengajaran. Pelaksanaan interaksi lisan dalam pengajaran berkait rapat dengan komunikasi. Abd. Rasid Jamian & Shamsudin Othman (2013) menyatakan bahawa interaksi lisan merupakan proses komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahasa yang baik bukan sahaja dikenali sebagai kecekapan berinteraksi, malahan perlu didengari kehendak dan cara ujaran bahasa yang baik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kepentingan kajian ini menghuraikan sembilan teknik interaksi lisan dalam pengajaran pensyarah yang digariskan oleh Roselan Baki (2003). Teknik interaksi lisan ini juga bersesuaian dilaksanakan dengan garis panduan yang telah disediakan oleh pihak KPM dan BPG dalam menyampaikan topik pengajaran sehingga pelajar dapat memahami dan menilai pengajaran tersebut.

Penguasaan teknik interaksi lisan dan pendekatan pengajaran pensyarah bahasa Melayu meningkatkan keyakinan diri dan mempengaruhi pelajar memberi perhatian kepada topik pengajaran. Kajian ini juga berupaya untuk memberikan implikasi terhadap pendekatan pengajaran pensyarah dalam proses PdP. Selain itu, kajian ini dapat dijadikan platform bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan meningkatkan keberhasilan penyampaian lisan pensyarah terhadap topik pengajaran. Selain itu, pendekatan pengajaran penting untuk membantu para pensyarah memahami suasana sebenar, persekitaran sekeliling, keinginan dalaman, minat dan kecenderungan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran.

Pelbagai pemahaman dan persepsi pensyarah dapat diterokai terhadap interaksi lisan dalam pengajaran bahasa dan penerimaan pelajar di kuliah. Selain itu, kajian ini dapat memberi sumbangan manfaat kepada beberapa pihak khususnya pihak IPG seperti pensyarah dan pelajar. Kajian ini juga dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada peserta kajian ini iaitu para pensyarah dalam bidang bahasa dan bidang-bidang lain agar menjadi wahana untuk membina keyakinan, menunjukkan peningkatan dalam pembelajaran dan pendorong memantapkan pengajaran kuliah di IPG. Pensyarah dapat menguasai teknik interaksi lisan seperti penyoalan, penerangan, arahan, kawalan dan perbincangan. Hal ini demikian kerana interaksi lisan yang bersesuaian dapat menggalakkan penglibatan secara aktif antara pensyarah dan pelajar. Pendekatan komunikatif dalam pengajaran juga membantu pensyarah berkomunikasi menggunakan bahan pengajaran dan mengembangkan potensi pelajar secara menyeluruh.

1.7 Batasan Kajian

